

**TEKS UCAPAN PERASMIAN
OLEH NAIB CANSELOR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
Y.BHG PROF. DATO' DR MUSA BIN AHMAD**

**SEMPENA
PROGRAM PERASMIAN MIMBAR ILQA' 2015/2016**

**9 MAC 2016 (RABU)
PUSAT KEMUDAHAN PELAJAR**

Terima kasih Saudara/i pengacara majlis

Bismillahirrahmanirrahim

*Assalamualaikum wa Rahmatullahi wa Barakatuh, Salam Sejahtera,
Salam 1 Malaysia dan Salam Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli*

[Salutasi]

1. Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah Subhanahu wa Taala kerana dengan limpah kurnia dan keizinanNya, dapat kita bertemu dan berhimpun untuk menyempurnakan Majlis Perasmian Program Mimbar Ilqa' 2015/2016.

2. Pertamanya ingin saya rakamkan ribuan terima kasih kepada Sekretariat Biro Akademik dan Pembangunan Intelektual sesi ini kerana telah berhempas pulas untuk memastikan program Mimbar Ilqa' ini dijalankan dengan jayanya. Program Mimbar 'Ilqa merupakan inisiatif Biro Akademik dan Pembangunan Intelektual, Majlis Perwakilan Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sesi 2015/2016 dan melibatkan semua pelajar USIM secara amnya.

Hadirin sekalian,

3. Program ini bertujuan untuk mendedahkan mahasiswa kepada isu semasa yang berkait rapat dengan mahasiswa dan secara tidak langsung memupuk sifat kepimpinan dalam jiwa. Saya berharap agar program ini dapat membantu untuk membuka minda dan fikiran masyarakat USIM tentang isu tempatan mahupun global yang berkait rapat dengan kehidupan sehari-hari agar kita tidak menjadi seperti katak di bawah tempurung. Program ini juga sejajar dengan hasrat kerajaan di dalam Ionjakan 1 di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (Pendidikan Tinggi) 2015-2025 iaitu untuk melahirkan Graduan yang holistik, berciri keusahawanan dan seimbang.
4. Universiti merupakan gedung ilmu yang tidak dapat tidak perlu dimanfaatkan oleh pelajar untuk memacu kehidupan, keluarga dan Negara agar lebih maju ke hadapan demi agama dan bangsa. Ilmu yang dipelajari di Universiti tidak terhad kepada ilmu yang terkandung dalam kitab-kitab lama, buku-buku dan rujukan-rujukan lain, tetapi turut mencakupi kemahiran insaniah yang juga merupakan salah satu ilmu yang perlu dicari oleh setiap pelajar.
5. USIM melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP) telah mewujudkan Model Graduan Integrasi Ilmu Naqli dan Aqli (GIINA) USIM yang telah dilancarkan oleh YAB. Menteri Besar, Dato' Seri Utama Haji Mohamad Haji Hasan pada 4 September 2015. Model ini meliputi 21 ciri graduan yang merangkumi elemen holistik, berkeusahawanan dan seimbang melalui integrasi ilmu Naqli dan

Aqli yang menepati Ionjakan 1 dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 Pendidikan Tinggi.

6. Menerusi model ini, USIM mensasarkan 100% graduan memperolehi Skor GIINA sekurang-kurangnya 50%. Satu kajian rintis melibatkan kumpulan pelajar Tahun 3 Sarjana Muda Pengajian Aqidah dan Agama dengan Kepujian di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) dan Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan(FPSK) telah dilaksanakan pada Semester I, Sesi Akademik 2015/2016 untuk menilai keupayaan Model GIINA sebagai elemen dalam pengiraan Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (i-CGPA).
7. Islam menggalakkan agar belia Islam terkehadapan melalui sifat kepimpinan, akhlak mulia serta ilmu yang bermanfaat. Pemimpin muda merupakan harapan bangsa dan bakal pelapis kepimpinan negara. Amatlah beruntung jika negara Islam masa kini dapat melahirkan pemimpin-pemimpin muda terulung seperti Sultan Muhammad Al Fateh yang telah menawan serta membuka Kota Constantinople pada usia belia remaja. Saidina Ali Abi Talib yang juga merupakan kanak-kanak pertama yang memasuki Islam serta Salahuddin Al Ayubi iaitu tokoh perang salib yang di kenali kehebatannya. Dr Yusuf Qardhawi telah menyatakan:

“jika mahu melihat masa depan sesebuah negara, lihatlah pemuda pada hari ini”.

**Berlayar Jauh ke Pulau Penyengat
Bawa Bekalan di Dalam Peti
Mimbar Ilqa' Pencetus Semangat
Membina Peribadi Melonjak Kualiti**

8. Akhir kalam, jadilah mahasiswa atau seorang insan yang berguna kepada agama, bangsa dan negara. Saya percaya bahawa program seperti ini sedikit sebanyak dapat meningkatkan kesedaran dalam diri mahasiswa USIM untuk berfikir secara kritis dan meluas. Program seperti ini penting supaya mahasiswa USIM bukan sahaja menjadi seorang insan yang mahir dalam bidangnya sahaja, tetapi dapat menjadi insan yang berintelektual serta mampu menjadi nombor satu di hati dan di minda masyarakat.

Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, dengan ini saya merasmikan Program Mimbar 'Ilqa sesi 2015/2016.

Sekian terima kasih.